

**SOALAN NO. 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMAD KHAIR-IL ANUAR  
BIN WAN AHMAD [ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah yang telah dijalankan oleh Kementerian dalam usaha untuk mengesan kewujudan taska yang tidak berdaftar dan sama ada Kementerian menetapkan julat harga yuran bulanan taska di kawasan bandar. Sekiranya ada, berapakah julat harga yuran tersebut.

**JAWAPAN:**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertanggungjawab ke atas Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak yang digubal pada tahun 1984 mempunyai peruntukan yang jelas mewajibkan pendaftaran setiap TASKA.

Dalam hal ini, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 bagi memastikan TASKA yang beroperasi mematuhi syarat dan keperluan yang ditetapkan.

Berhubung usaha penguatkuasaan mengesan PEWUJUDAN TASKA yang tidak berdaftar, pada tahun 2014 JKM telah melancarkan Operasi Pemutihan Bagi TASKA Tidak Berdaftar. Sebanyak 1,176 buah TASKA telah dikenalpasti beroperasi tanpa pendaftaran. Sehingga Oktober 2014, JKM telah berjaya mendaftarkan sebanyak 286 buah TASKA daripada jumlah tersebut, 825 buah sedang dalam proses pendaftaran manakala 39 buah telah tutup. 18 buah pula masih dalam tindakan di peringkat Pejabat

Kebajikan Masyarakat Daerah dan selebihnya iaitu 8 buah telah berpindah dan membatalkan permohonan.

Buat masa ini, mengikut Akta TASKA 1984 dan peraturan-peraturan di bawahnya, tiada sebarang peruntukan mengenai kadar bayaran yuran TASKA dinyatakan. Oleh itu, pengusaha TASKA boleh menetapkan kadar yuran yang berpatutan untuk setiap kanak-kanak yang hadir ke TASKA mereka berdasarkan permintaan dan penawaran di pasaran. Beberapa faktor yang menentukan kadar yuran sesebuah TASKA itu adalah kos operasi TASKA. Biasanya lebih berkualiti perkhidmatan sesebuah TASKA, akan mengenakan yuran yang lebih tinggi. JKM bagaimanapun, ada memainkan peranan memberi nasihat kepada pengusaha berkenaan dengan kadar yuran yang munasabah. Pada akhirnya, kadar yuran tertakluk kepada pengusaha TASKA dan permintaan pasaran.